



# BULETIN NADI HAYAT



**YBhg. Datuk Dr. G. Mohan A/L A. Gopal Naidoo**  
Pengarah Hospital

Terima kasih kepada semua pembaca yang budiman. Semoga anda mendapat manfaat daripada buletin yang disediakan ini. Tidak dilupakan kepada barisan sidang redaksi yang bertungkus lumus untuk menyediakan buletin ini. Semoga buletin akan dapat terus diterbitkan lagi pada masa akan datang.

#### Badan Redaksi Nadi Hayat

Dr. Maegyvear Pimid  
Chan Yen Mii  
David Dominicus  
Jack Richie Lee  
Jessica Yampai  
Lynceia Bonar  
Bartholemew G. Lee  
Normie E. Surin  
Clarice Jariman  
Ag. Ramlan Ag. Murshid  
Nooraini Armando  
Fredolin Andrew Sipail  
Ricaldo Geonan Majutin



## MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN JASAMU DIKENANG 2021

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Hospital Tuaran Tahun 2019 dan 2020 telah diadakan bagi meraikan 58 kakitangan hospital dan 4 kakitangan Klinik Pergigian Tuaran yang telah berkhidmat dengan cemerlang pada tahun 2019 dan 2020. Majlis ini telah diadakan pada 12 Oktober 2021 dan dirasmikan oleh Yb. Datuk Dr. Abd. Kahar bin Asis, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan) Sabah yang turut menyampaikan sijil kepada semua penerima. Dalam majlis ini juga telah diadakan penyampaian penghargaan kepada 13 kakitangan yang telah bersara.



#### Persijilan Kualiti Hospital Tuaran



#### HOSPITAL TUARAN

Peti Surat 996, 89207 Tuaran, Sabah  
088-788224 / 088-797100  
088-788167  
<http://htuaran.moh.gov.my>  
@hospitaltuaran

## PENGHARGAAN KEPADA BARISAN HADAPAN

Satu Majlis Penghargaan Sekalung Budi Kepada Barisan Hadapan Daerah Tuaran telah diadakan pada 21 Disember 2021 dan disempurnakan oleh YAB DSP Haji Hajiji Haji Noor, Ketua Menteri Sabah. Penghargaan ini bukan sahaja semasa mengekang penularan Covid-19 tetapi juga komitmen semua agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam menangani sebarang bencana yang berlaku khususnya di daerah Tuaran. Hospital Tuaran yang turut menerima penghargaan ini telah dihadiri oleh YBrs. Datuk Dr. G. Mohan a/l A. Gopal Naidoo, Pengarah Hospital Tuaran dan kakitangan hospital.



# SAMBUTAN DEEPAVALI HOSPITAL TUARAN

Hospital Tuaran telah mengadakan satu majlis sambutan Deepavali pada 28 November 2021 yang telah disempurnakan oleh Ybhg. Datuk Abdul Kassim Razali, Ketua Setiausaha Politik kepada YAB Ketua Menteri Sabah, YAB DSP Haji Hajiji Haji Noor mewakili YAB Ketua Menteri Sabah. Majlis ini telah dihadiri oleh Ybhg. Datuk Dr. Rose Nani Mudin (Pengarah Kesihatan Negeri Sabah), Ybhg. Tan Sri Datuk Sri Panglima Sukarti Wakiman (Mantan Setiausaha Negeri Sabah), Ybhrs. Tn. Sadan Hj. Hussein (Pegawai Daerah Tuaran), Ybhg. Datin Maliana Ugau (Pengerusi AKSSI Sabah) dan Ybhg. Datuk Dr. G. Mohan (Pengarah Hospital). Pertandingan kholam dan Ratu Sari telah diadakan awal sempena dengan perayaan ini. Sumbangan amal disampaikan kepada Pertubuhan Orang-orang Buta Sabah dengan mengumpul sebanyak RM2,479.35 hasil sumbangan daripada warga hospital.



**Discover Our  
Cancer  
Collections**

**OVER 5 MILLION  
SEARCH RESULTS!**

Find More Digital Content at MOH  
Virtual Library Subscribe Databases

Access to Medicine | CINAHAL | ClinicalKey for Nursing | Ovid

MINISTRY OF HEALTH LIBRARY | TEL: 03-8893 3480 / 2363 | E-MAIL: library\_hakim@moh.gov.my

**VIRTUAL LIBRARY** <https://vlib.ovidds.com>

**Subjects Available**

Metabolism | Genetics | Pathology | Drug Therapy | Pharmacology | Methods | Breast Neoplasms | Therapeutic Use | Neoplasms | Diagnosis | Antineoplastic Agents | Physiology | Drug Effects | Biomarkers, Tumor | Therapy | Immunology | Surgery | Breast Cancer | Epidemiology and more...

**Publications Type**

Article | Clinical Trial | Chapter | Books | Journals | Reports | Conferences and more...

Sign-up with Virtual Library Discovery Services

Borderless Medical and Health Information

## TOKOH BULANAN 2021

<b>OKTOBER</b>	<b>NOVEMBER</b>
	
Siti Zarinah Jeh (Rekod Perubatan)	Sanbariah Adon (Radiologi)

### PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR

BULAN	JUMLAH (PURATA)
OKTOBER	5,605
NOVEMBER	6,049
DISEMBER	6,169
<b>JUMLAH</b>	<b>17,823</b>

## KENALI BAHASA TEMPATAN

SELAMAT TAHUN BARU.  
HAPPY NEW YEAR.  
KOTOBIAN DO TOUN VAGU.  
SELAMAT TAUN BAU

### BANCIAN PESAKIT DALAM

WAD	OKTOBER	NOVEMBER	DISEMBER
PEREMPUAN (BUKAN COVID -19)	(116.50%)	(130.20%)	(137.30%)
LELAKI (COVID-19)	(89.50%)	(102.60%)	(80.30%)
BERSALIN	60.48%	43.96%	45.56%
PEDIATRIK	50.60%	47.60%	67.40%
PKRC INTAN	44.24%	74.58%	66.63%

### KEMPEN DERMA DARAH

BULAN	LOKASI	DARAH
OKTOBER	3	152
NOVEMBER	4	64
DISEMBER	2	119
<b>JUMLAH</b>	<b>9</b>	<b>335</b>

PINT

### BILANGAN IBU BERSALIN

BULAN	JUMLAH
OKTOBER	59
NOVEMBER	67
DISEMBER	77
<b>JUMLAH</b>	<b>203</b>

Sumber: En. Muhd. Syahmi, Peg. Sains, Unit Transfusi Darah

People who know little are usually great talkers,  
while men who know much say little.  
*Jean-Jacques Rousseau*

Sumber: En. Irwandi Abdullah, PPT, Unit Rekod Perubatan

## PEMERIKSAAN KAWALAN KEBAKARAN

Pemeriksaan kawalan kebakaran bangunan adalah satu perkara yang amat dititikberatkan di Hospital Tuaran. Perkara ini bukan sahaja memastikan bangunan tetapi juga aset-aset peralatan perubatan dan pesakit dapat diselamatkan sekiranya berlaku kebakaran. Dalam memastikan semua alat kawalan kebakaran seperti alat pemadam api, siren kecemasan dan pengurusan kawalan kebakaran berfungsi dengan baik, pihak BOMBA telah mengadakan pemeriksaan ini pada 6 Disember 2021. Diakhir pemeriksaan, satu simulasi pengungsian bangunan telah diadakan di bangunan Jabatan Pesakit Luar.



## PEMBERIAN DOS PENGGALAK KEPADA BARISAN HADAPAN

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Penggalak (Booster) atau lebih dikenali sebagai PICK-B bermula pada 13 Oktober 2021 susulan persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Jaminan Akses COVID-19 (JKJAV) Bil. 18/2021 pada 30 September 2021 dalam pemberian dos penggalak kepada penerima yang telah vaksin lengkap. Program ini dijangka melibatkan seramai 23 juta orang di Malaysia. Hospital Tuaran yang turut merupakan PPV telah membuat pelancaran ini pada 26 Oktober 2021 dan telah disempurnakan oleh YB Datuk Jahid Jahim, Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah. Hadir bersama dalam program ini adalah YB Datuk Joniston Bangkuai (Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah), YB Tuan Jasni Daya (Pembantu Menteri Kewangan Sabah), Ybgh. Tan Sri Sukarti Wakiman (Mantan Setiausaha Negeri Sabah), Ybrs. Tn. Sadan Hj. Hussein (Pegawai Daerah Tuaran), Tn. Hamizi (Ketua Polis Tuaran) dan Ybrs. Datuk Dr. G. Mohan a/l A. Gopal Naidoo (Pengaroh Hospital Tuaran).



## SAMBUTAN MAULIDUR RASUL

Sambutan Maulidur Rasul 12 Rabiulawal 1443h disambut pada 19 Oktober 2021. Dengan tema tahun 2021, "Manhaj Rabbani, Ummah Berkualiti", Hospital Tuaran telah menyambut Maulidur Rasul pada 22 Oktober 2021 bersekali dengan Perhimpunan Pagi bulan Oktober. Tetamu istimewa sambutan kali ini adalah Ybrs. Tuan Haji Norjeli bin Haji Dais, Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Cawangan Sabah. Satu tazkirah khas telah disampaikan oleh Ustaz Hamsah Sulaimana, Penyelia KAFA Daerah Tuaran. Dalam majlis ini turut disampaikan Sijil Pengesahan Halal oleh Pengarah JAKIM (Sabah) kepada Ketua Unit Dietetik dan Sajian, Cik Nazirah Zuman yang disaksikan oleh Ybgh. Datuk Dr. G. Mohan, Pengarah Hospital Tuaran. Majlis Dua tokoh maulidur Rasul 2021 adalah Tn. Hj. Awang Marusin dan Pn. Noor Azidah Andrew. Sambutan ini telah diadakan di Bilik Seminar Hospital Tuaran dan secara maya.



## MAJLIS HARI BERTEMU PELANGGAN

Dalam memastikan penyampaian perkhidmatan hospital kepada masyarakat di daerah Tuaran, Hospital Tuaran telah mengadakan satu majlis Hari Bertemu Pelanggan. Pameran dan kaunter turut dibuka seperti Kempen Derma Darah, Kenali Ubat Anda, Promosi dan pendaftaran Ikrar Derma Organ dan Ahli Kumpulan Sokongan Penyusuan Susu Ibu. Majlis ini telah disempurnakan oleh Pegawai Daerah Tuaran, Ybrs. Tn. Sadan Hj. Hussein pada 30 November 2021. Turut hadir bersama Ketua Polis Daerah Tuaran, Pegawai Penerangan Tuaran dan Pengarah Hospital, Ybgh. Datuk Dr. G. Mohan.



# ALBUM HOSPITAL TUARAN



Kempen Derma Darah TERIMA KASIH SABAHAN!  
23 - 24 Oktober 2021



User Training Perkhidmatan Sedafiat  
15 Disember 2021



Pemeriksaan JK EKSA Persekitaran Kawasan Hospital  
11 November 2021



Lawatan Datuk Pengarah ke Jabatan Tanah & Ukur  
(Urusan Pemilikan Tanah Hospital Tuaran)  
17 Disember 2021



Gotong Royong Perdana  
19 November 2021



Karoling Komiti Kristian Hospital Tuaran  
17 Disember 2021



Hari Bertemu Pelanggan Unit Pengurusan  
(Buku Perkhidmatan)  
22 November 2021



Kunjungan Hormat kepada Pegawai Kewangan  
Perbendaharaan Malaysia Sabah  
23 Disember 2021

**Tahniah diucapkan kepada penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan negeri Sabah sempena Hari Jadi Rasmi Ke-68 Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin**

**Pingat Darjah Kebesaran Panglima  
Gemilang Darjah Kinabalu (PGDK)  
membawa gelaran Datuk**



YBhg. Datuk Dr. G. Mohan a/l A. Gopal Naidoo  
Pengarah Hospital Tuaran UD54

**Pingat  
Bintang Setia Kinabalu (BSK)**

Tuan Haji Tasim bin Haji Taim  
Penolong Pegawai Perubatan U42



**Pingat  
Bintang Kinabalu (BK)**

Puan Jupina Jahan  
Jururawat U36



Puan Kimlin Duinol  
Jururawat U32



En. Jefferson Dussek Kula  
Penolong Pegawai Perubatan U36



Puan Adenah Lojuhun  
Jururawat U29



If we desire respect for the law, we must first make the law respectable.

Louis D. Brandeis